

AMALAN PENGGUNAAN SEMULA SISA PEPEJAL DALAM KALANGAN ISI RUMAH

Zuroni Md Jusoh¹
Farhan Mat Arisah¹
Mumtazah Othman¹
Norhasmah Sulaiman²
Husniyah Abd Rahim¹

¹Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

²Jabatan Pemakanan dan Dietetik,
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Secara umumnya, negara maju mempunyai tahap kualiti hidup yang baik. Justeru, tahap kualiti hidup yang tinggi merupakan ciri penting bagi Malaysia, iaitu selaras dengan matlamat untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Rakyat Malaysia bukan sahaja menikmati pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pendapatan per kapita yang lebih tinggi malah menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Hal ini bermakna rakyat Malaysia juga dapat merasai, antaranya perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang lebih berkualiti, alam sekitar yang lebih terpelihara, persekitaran kerja yang kondusif serta sistem pengangkutan dan komunikasi yang cekap. Taraf hidup rakyat juga dipertingkatkan lagi dengan kediaman yang sesuai dan selesa dalam persekitaran yang harmoni dan selamat. Sejak Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), negara telah meletakkan sasaran yang tinggi untuk membangun secara lestari. Selain itu, Dasar Pengguna Negara (DPN) juga telah menekankan perlunya pengguna mempunyai kesedaran tentang aspek penggunaan lestari dan meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam mengurus sumber yang terhad. Menurut Laporan Kualiti Hidup Malaysia (2011), subindeks alam sekitar meningkat sebanyak 6.6 mata pada tahun 2010 berikutan peningkatan kualiti air sungai terpilih dan lebih banyak kawasan mencatatkan kualiti udara yang baik. Peratusan sungai bersih meningkat daripada 28.0 peratus pada tahun 2000 kepada 51.0 peratus pada tahun 2010. Bagi kualiti udara pula peratusan stesen yang mencatatkan kualiti udara yang baik meningkat daripada 84.3 peratus kepada 86.1 peratus dalam tempoh tersebut.

Dalam tempoh 2006–2009, kemerosotan subindeks alam sekitar berpunca daripada masalah jerebu di rantau Asia Tenggara. Pengenalan dan

pelaksanaan dasar bagi memulihara alam sekitar, seperti Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Teknologi Hijau Negara, dan Dasar Perubahan Iklim Negara menunjukkan komitmen kerajaan ke arah pembangunan yang mampan. Pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan dan inisiatif lain, seperti projek *Central Forest Spine* di Semenanjung Malaysia dan *Heart of Borneo* di Sabah dan Sarawak telah meningkatkan kelestarian hutan dan sumber alam (Laporan Kualiti Hidup Malaysia, 2011).

Walau bagaimanapun, satu daripada masalah penggunaan dalam masyarakat hari ini ialah kesan buruknya ke atas kelestarian. Kadar penggunaan telah jauh melebihi kadar penggantian yang berlaku secara semula jadi. Memang tidak dapat dinafikan tingkah laku manusia ialah punca utama kepada kemerosotan persekitaran dan kesejahteraan hidup. Hal ini dapat dilihat melalui tahap kemusnahan yang telah berlaku pada kehidupan manusia sama ada dari segi fizikal, sosial, ekonomi, psikologi mahupun spiritual. Penggunaan, eksploitasi ke atas sumber semula jadi dan pencemaran merupakan antara kesan tingkah laku ke atas persekitaran.

Justeru, diperlukan penerapan amalan lestari dalam kalangan masyarakat memandangkan senario penggunaan semasa tidak sihat dan bakal memudaratkan generasi akan datang. Antara amalan penggunaan lestari ialah mengurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*), kitar semula (*recycle*), bertindak (*react*), dan fikir semula (*rethink*). Menurut Barr (2007), terdapat tiga tingkah laku pengurusan bahan buangan, iaitu mengurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*), dan kitar semula (*recycle*) yang harus diberi perhatian serius. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan mengenai amalan penggunaan semula dalam kalangan masyarakat agar amalan ini terus dipraktikkan dan dijadikan sebagai gaya hidup bermula, iaitu bermula dari aspek pembelian, penggunaan hinggalah ke peringkat pelupusan.

Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan guna semula dalam kalangan isirumah. Analisis kajian dilakukan untuk meneliti perbandingan amalan guna semula mengikut jantina.

Tinjauan Literatur

Amalan guna semula

Secara purata, sebanyak 800 gram sisa pepejal dibuang oleh setiap rumah sehari, justeru menjadikan berat sampah yang dihasilkan oleh 27 juta penduduk Malaysia sekurang-kurangnya 30,000 tan sehari (Berita Harian,

2013). Oleh itu, kaedah pelupusan sampah secara konvensional tidak lagi praktikal kerana ruang tanah yang semakin terhad di samping menyumbang kepada masalah pencemaran yang semakin meruncing. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2014) melaporkan purata penjanaan sisa pepejal di negara ini ialah 30,000 hingga 35,000 tan sehari, malah RM1.2 bilion dibelanjakan untuk menguruskan kutipan sisa dari rumah.

Kajian lepas telah banyak membuktikan bahawa kegagalan untuk mengatasi masalah alam sekitar atau kegagalan untuk menyediakan alam sekitar yang sihat adalah disebabkan oleh banyak penekanan yang diberikan dalam bidang teknikal, sosioekonomi dan politik (Tikka, Kuitunen & Tynys, 2000). Kajian telah menunjukkan bahawa faktor yang paling signifikan mempengaruhi alam semula jadi bukanlah polisi kerajaan, sebaliknya ialah kesedaran umum untuk meminimumkan kesan aktiviti mereka kepada persekitaran (Mihalas, Morse, Allsopp & McHatton, 2009). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat mengenai kesan aktiviti harian terhadap alam sekitar sebagai aspek yang perlu dititikberatkan. Hal ini kerana masalah alam sekitar berkait rapat dengan aktiviti manusia, iaitu melalui pola pengeluaran dan penggunaan yang diamalkan.

McKeown (2002) dan Wingerter (2000) pula menyatakan trend pembangunan ekonomi sekarang tidak lestari dan mencadangkan agar kesedaran awam, pendidikan, dan latihan sebagai kunci untuk mengubah masyarakat ke arah kelestarian. Justeru, antara alternatif yang boleh diberikan pertimbangan untuk mengurangkan penjanaan sisa pepejal ialah melalui penerapan amalan lestari dalam kehidupan seharian. Menurut Nurizan, Laily, Sharifah, Norhasmah, Aini, dan Naimah (2004), penerapan amalan lestari penting bagi mencapai kesejahteraan kepada pengguna dan persekitaran.

Konsep penggunaan lestari sering dikaitkan dengan Konsep 3R yang merujuk kepada mengurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*). Menurut Syuhaily (2011) pula, amalan 5R + 1C, iaitu mengurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*), kitar semula (*recycle*), fikir semula (*rethink*),baiki semula (*repair*), dan kompos (*composting*) adalah antara contoh amalan lestari.

Justeru, secara ringkasnya, guna semula dirujuk sebagai menggunakan semula barang yang telah dibeli bagi mengurangkan penghasilan sisa pepejal. Contohnya, guna semula pakaian lama sebagai alas kaki, penggunaan bekas kaca atau plastik terpakai untuk menyimpan pelbagai barang dan sebagainya (Kempen Konsumer Kebangsaan, 2008–2012). Aktiviti guna semula juga melibatkan penggunaan sesuatu objek yang hendak dibuang tetapi berpotensi

untuk digunakan dengan cara yang berbeza daripada kegunaan yang asal, seperti menjadikan botol kaca sebagai pasu bunga (Corral-Verdugo, 2003).

Di Mexico, aktiviti guna semula telah dibangunkan lebih awal berbanding dengan aktiviti kitar semula. Guna semula boleh difahami sebagai satu bentuk pengurangan sumber, iaitu berusaha untuk mencegah pencemaran melalui penghasilan bahan buangan (De Young, 1991). Satu kajian yang telah dijalankan oleh Corral-Verdugo (2003) mendapati suri rumah luar bandar Mexico menggunakan barang yang hendak dibuang seperti tin, kadbod, kaca, kayu dan produk lain manakala di kawasan bandar pula mereka menggunakan botol kosong untuk mengisi bunga, bijirin atau makanan. Corral-Verdugo (2003) turut menyatakan amalan guna semula yang penting ialah guna semula pakaian, iaitu melibatkan baju yang sama boleh digunakan oleh tiga atau empat orang anak dalam sesebuah keluarga. Barang lain yang selalunya digunakan semula oleh masyarakat di Mexico ialah komponen besi kereta, basikal, perabot dan kertas (Corral-Verdugo, 2003).

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan dalam kalangan 384 guru di Kelantan, kebanyakan responden selalu mengamalkan guna semula beg plastik untuk mengisi bahan buangan (79.2%) dan untuk menyimpan pelbagai barang (68.2%) (Farhan, Mumtazah & Syuhaily, 2013). Hasil kajian ini turut mendapati lebih separuh daripada jumlah responden (63.0%) tidak pernah menggunakan sampul terpakai, iaitu dengan menampal alamat baharu di atas alamat yang lama. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa amalan penggunaan semula adalah pada tahap sederhana atau diwakili oleh sebanyak 57.6 peratus responden kajian.

Walaupun kebanyakan dapatan kajian mengenai kesan ciri demografi terhadap kesedaran persekitaran adalah bertentangan antara satu sama lain (Roberts, 1996), namun perbezaan ini membawa kesan yang penting kerana dapat membantu para penyelidik meramal angkubah yang paling mempengaruhi tingkah laku mesra persekitaran dalam kalangan pengguna. Angkubah seperti gender, umur, pendidikan, tempat tinggal dan pegangan politik biasanya menunjukkan perhubungan yang kuat dengan persekitaran (Zelezny, Chua & Idrich, 2000).

Berdasarkan kajian lepas, golongan perempuan didapati lebih cenderung untuk mempraktikkan amalan yang mesra alam (Holbert, Kwak & Shah, 2003). Dapatan kajian ini disokong melalui kajian yang telah dilakukan oleh Farhan *et al.* (2013) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -2.284, p \leq 0.05$) antara responden lelaki dengan perempuan bagi amalan guna semula (*reuse*). Perbezaan ini menunjukkan bahawa responden perempuan lebih kerap melakukan amalan guna semula (*reuse*) berdasarkan

purata skor (18.79) yang lebih tinggi berbanding dengan purata skor yang dicatatkan oleh responden lelaki (18.03). Dapatan kajian ini juga berkemungkinan besar disebabkan oleh emosi perempuan yang lebih sensitif dan prihatin terhadap kebajikan diri mahupun orang lain (Robinson & Howard-Hamilton, 2000).

Metodologi

Bahagian ini menggariskan metodologi penyelidikan yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan kaji selidik. Tumpuan perbincangan bahagian ini ialah instrumen penyelidikan, tatacara persampelan dan tatacara pengumpulan data.

Instrumen

Instrumen penyelidikan bagi kajian ini ialah borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian 1 untuk mengukur ciri demografi responden seperti umur, jantina, etnik, tahap pendidikan tertinggi, taraf perkahwinan, bilangan individu yang tinggal bersama-sama di rumah, pekerjaan dan anggaran jumlah pendapatan isi rumah. Dalam Bahagian 2, soalan berbentuk tertutup (*closed-ended*) diberikan. Sebanyak 11 pernyataan yang menggunakan skala Likert yang berkaitan dengan amalan guna semula dikemukakan. Responden diminta menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap setiap pernyataan, 1 = Tidak pernah, 2 = Kadang-kadang, 3 = Selalu. Tiga contoh pernyataan tersebut ditunjukkan seperti di bawah:

- Menggunakan semula beg kertas terpakai.
- Menggunakan semula beg plastik terpakai.
- Menggunakan semula surat khabar lama.

Tatacara persampelan dan pengumpulan data

Kajian ini melibatkan seramai 304 wakil isi rumah di negeri Selangor, iaitu dari daerah Gombak, Hulu Langat, Petaling dan Klang dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Melalui kaedah ini, isi rumah yang terpilih telah dikunjungi dan diberikan borang soal selidik untuk dilengkapkan.

Hasil Kajian

Latar belakang responden

Jadual 1 menunjukkan taburan sosiodemografi responden. Paling ramai responden didapati berada dalam lingkungan umur 18–29 tahun dan 30–41

tahun apabila masing-masing mencatatkan 33.4 peratus. Sebahagian besar responden (67.0%) terdiri daripada perempuan dan selebihnya lelaki (33.0%). Majoriti responden berbangsa Melayu (89.4%), diikuti Cina (6.0%), India (4.0%) dan lain-lain (0.7%). Dari segi tahap pendidikan tertinggi pula, dapatan menunjukkan hampir separuh daripada responden (47.7%) memiliki Ijazah Sarjana Muda dan hanya sebilangan kecil sahaja (0.3%) yang tidak mempunyai pendidikan rasmi. Sementara itu, dari segi taraf perkahwinan pula dapatan menunjukkan majoriti responden (72.7%) mempunyai status berkahwin manakala sebanyak 24.7 peratus adalah bujang. Jadual 1 turut memaparkan bahawa kebanyakan responden (46.8%) mempunyai bilangan individu yang tinggal bersama-sama kurang daripada empat orang. Dari segi anggaran jumlah pendapatan bulanan isi rumah pula, didapati hampir satu pertiga daripada responden berada dalam lingkungan pendapatan RM3,000 ke bawah dan RM3,001–RM6,000 apabila masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 33.9 peratus.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

Angkubah	n (%)
Umur (tahun)	
18 –29	101 (33.4%)
30–41	101 (33.4%)
≥ 42	100 (33.1%)
Jantina	
Lelaki	100 (33.0%)
Perempuan	203 (67.0%)
Etnik	
Melayu	270 (89.4%)
Cina	18 (6.0%)
India	12 (4.0%)
Lain-lain	2 (0.7%)
Tahap pendidikan tertinggi	
Tiada pendidikan rasmi	1 (0.3%)
UPSR	4 (1.3%)
PMR/SRP/LCE	10 (3.3%)
SPM/MCE	50 (16.6%)
STAM/STPM	8 (2.6%)
Sijil	13 (4.3%)
Diploma	31 (10.3%)
Ijazah Sarjana Muda	144 (47.7%)
Ijazah Sarjana	38 (12.6%)
Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)	3 (1.0%)

Jadual 1 (sambungan)

Angkubah	n (%)
Taraf perkahwinan	
Bujang	74 (24.7%)
Berkahwin	218 (72.7%)
Duda	3 (1.0%)
Janda	5 (1.7%)
Bilangan individu yang tinggal bersama (orang)	
< 4	137 (46.8%)
4–5	64 (21.8%)
≥ 6	92 (31.4%)
Anggaran jumlah pendapatan isirumah (bulanan)	
≤ RM3,000	96 (33.9%)
RM 3,001–RM6,000	96 (33.9%)
≥ RM6001	91 (32.2%)

Amalan guna semula

Bahagian ini bertujuan untuk meneliti tahap amalan guna semula dalam kalangan responden. Terdapat 11 pernyataan amalan guna semula yang telah dikemukakan dalam bahagian ini. Setiap amalan ini diwakili oleh tiga pilihan respon bagi menentukan kekerapan responden melakukan amalan-amalan tersebut. Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan mereka dalam melakukan amalan guna semula. Hasil kajian mendapati terdapat hanya dua amalan yang tidak pernah dilakukan oleh responden. Sebanyak 13.8 peratus responden menyatakan mereka tidak pernah mendermakan buku dan majalah dan hanya sebilangan kecil responden (9.9%) sahaja yang mengumpul/menjual kertas terpakai.

Seterusnya, bagi kekerapan kadang-kadang, terdapat empat pernyataan yang mencatatkan peratusan tertingginya, justeru menunjukkan kebanyakan responden menyatakan mereka secara kadang-kadang mendermakan buku dan majalah (46.4%), menggunakan barang yang boleh diguna dan diisi semula (contoh: pen berdakwat/pensil mekanikal/cecair pencuci/sabun) (45.1%), menggunakan semula kotak terpakai (41.4%), dan mendermakan pakaian yang tidak mahu dipakai (40.5%). Dapatan kajian jelas menunjukkan amalan guna semula barang sememangnya telah dilakukan dan ini membantu dalam mengurangkan penghasilan bahan buangan di samping barang tersebut boleh digunakan pada tahap yang optimum.

Jadual 2: Amalan Guna Semula

No.	Pernyataan	Kekerapan		
		TP n (%)	KK n (%)	S n (%)
1.	Menggunakan semula beg kertas terpakai.	19 (6.3%)	102 (33.6%)	183 (60.2%)
2.	Menggunakan semula beg plastik terpakai.	13 (4.3%)	82 (27.0%)	209 (68.8%)
3.	Menggunakan semula sampul surat terpakai.	25 (8.2%)	118 (38.8%)	161 (53.0%)
4.	Menggunakan semula kertas terpakai.	17 (5.6%)	110 (36.2%)	177 (58.2%)
5.	Menggunakan semula surat khabar lama.	19 (6.3%)	98 (32.2%)	187 (61.5%)
6.	Menggunakan semula beg seminar terpakai.	14 (4.6%)	102 (33.6%)	188 (61.8%)
7.	Menggunakan semula kotak terpakai.	17 (5.6%)	126 (41.4%)	161 (53.0%)
8.	Mengumpul/menjual kertas terpakai.	30 (9.9%)	119 (39.1%)	155 (51.0%)
9.	Menggunakan barang yang boleh diguna dan diisi semula (contoh: pen berdakwat/pensil mekanikal/cecair pencuci/sabun).	15 (4.9%)	137 (45.1%)	152 (50.0%)
10.	Mendermakan pakaian yang tidak mahu dipakai.	23 (7.6%)	123 (40.5%)	158 (52.0%)
11.	Mendermakan buku dan majalah.	42 (13.8%)	141 (46.4%)	121 (39.8%)

Walau bagaimanapun, terdapat empat amalan mengguna semula yang selalu dilakukan oleh lebih daripada 60.0 peratus responden, iaitu guna semula beg plastik terpakai (68.8%), beg seminar terpakai (61.8%), surat khabar lama (61.5%) dan beg kertas terpakai (60.2%). Selain itu, penggunaan semula plastik khususnya, wajar dilakukan kerana plastik ialah bahan yang tidak terbiodegradasi dan memakan masa yang lama untuk diuraikan (Siddique, Khatib & Kaur, 2008). Justeru, situasi ini jelas menunjukkan bahawa responden tidak hanya mementingkan diri sendiri malah turut sama merasakan kesan perbuatan mereka ke atas flora dan fauna yang terdapat dalam sistem ekologi.

Seterusnya, analisis tahap amalan penggunaan semula dilakukan dengan mengira (*compute*) kekerapan responden ketika melakukan amalan bagi kesemua 11 pernyataan dalam bahagian ini. Skor kemudian digunakan untuk

memperoleh tahap amalan guna semula dan dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu “1 = rendah”, “2 = sederhana” dan “3 = tinggi”. Purata skor bagi amalan penggunaan semula yang diperoleh responden ialah 27.32. Skor minimum dan skor maksimum yang diperoleh responden ialah masing-masing 11 dan 33. Merujuk Jadual 3, hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden (35.6%) mempunyai tahap amalan penggunaan semula yang sederhana, iaitu jumlah skor mereka adalah antara 26–31, manakala sebanyak 33.3 peratus responden lagi mempunyai tahap amalan penggunaan semula yang rendah dengan mencatatkan jumlah skor antara 11–25 dan sebanyak 31.0 peratus lagi mempunyai amalan guna semula yang tinggi dengan mencatatkan jumlah skor ≥ 32 .

Jadual 3: Tahap Amalan Guna Semula

Tahap	Peratus (%)
Rendah (skor 11–25)	33.3
Sederhana (skor 26–31)	35.6
Tinggi (skor > 32)	31.0

Jadual 4 pula menunjukkan amalan guna semula dalam kalangan responden mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan lebih daripada 60.0 peratus responden perempuan selalu melakukan enam daripada 11 pernyataan amalan guna semula. Situasi ini dapat dilihat apabila majoriti responden perempuan selalu menggunakan semula barang terpakai seperti beg plastik (73.4%), diikuti surat khabar lama (67.0%), beg kertas (66.0%), beg seminar (64.0%), kertas (61.6%) dan menderma pakaian yang tidak mahu dipakai (60.1%). Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa responden perempuan lebih kerap melakukan amalan guna semula berbanding dengan responden lelaki.

Namun begitu, amalan guna semula yang selalu dilakukan oleh kebanyakan responden lelaki dan perempuan adalah bagi pernyataan “Menggunakan semula beg plastik terpakai”, iaitu masing-masing (59.0%) dan (73.4%). Amalan ini wajar dilakukan memandangkan plastik ialah bahan yang tidak terbiodegradasi dan memakan masa yang lama untuk diuraikan (Siddique *et al.*, 2008). Sementara itu, terdapat satu pernyataan tidak pernah yang mencatatkan peratusan tinggi berbanding dengan pernyataan yang lain, iaitu “Mendermakan buku dan majalah.” dengan catatan sebanyak 23.0 peratus bagi responden lelaki dan 9.4 peratus bagi responden perempuan. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa amalan mendermakan buku dan majalah kurang diamalkan oleh responden yang dikaji.

Jadual 4: Perbandingan Amalan Penggunaan Semula Berdasarkan Jantina

No.	Pernyataan	Kekerapan					
		TP		KK		S	
		L n (%)	P n (%)	L n (%)	P n (%)	L n (%)	P n (%)
1.	Menggunakan semula beg kertas terpakai.	10 (10.0%)	9 (4.4%)	42 (42.0%)	60 (29.6%)	48 (48.0%)	134 (66.0%)
2.	Menggunakan semula beg plastik terpakai.	9 (9.0%)	4 (2.0%)	32 (32.0%)	50 (24.6%)	59 (59.0%)	149 (73.4%)
3.	Menggunakan semula sampul surat terpakai.	13 (13.0%)	12 (5.9%)	41 (41.0%)	77 (37.9%)	46 (46.0%)	114 (56.2%)
4.	Menggunakan semula kertas terpakai.	12 (12.0%)	5 (2.5%)	37 (37.0%)	73 (36.0%)	51 (51.0%)	125 (61.6%)
5.	Menggunakan semula surat khabar lama.	10 (10.0%)	9 (4.4%)	20 (40.0%)	58 (28.6%)	50 (50.0%)	136 (67.0%)
6.	Menggunakan semula beg seminar terpakai.	5 (5.0%)	9 (4.4%)	38 (38.0%)	64 (31.5%)	57 (57.0%)	130 (64.0%)
7.	Menggunakan semula kotak terpakai.	8 (8.0%)	9 (4.4%)	46 (46.0%)	80 (39.4%)	46 (46.0%)	114 (56.2%)
8.	Mengumpul/menjual kertas terpakai.	14 (14.0%)	16 (7.9%)	43 (43.0%)	76 (37.4%)	43 (43.0%)	111 (54.7%)
9.	Menggunakan barang yang boleh diguna dan diisi semula (contoh: pen berdamak/pensil mekanikal/cecair pencuci/sabun).	7 (7.0%)	8 (3.9%)	54 (54.0%)	83 (40.9%)	39 (39.0%)	112 (55.2%)
10.	Mendermakan pakaian yang tidak mahu dipakai.	13 (13.0%)	10 (4.9%)	52 (52.0%)	71 (35.0%)	35 (35.0%)	122 (60.1%)
11.	Mendermakan buku dan majalah.	23 (23.0%)	19 (9.4%)	51 (51.0%)	89 (43.8%)	26 (26.0%)	95 (46.8%)

*Petunjuk: TP = Tidak pernah L = Lelaki KK = Kadang-kadang P = Perempuan S = Selalu

Kesimpulan

Dalam kajian ini, amalan guna semula dalam kalangan isi rumah dapat dikenal pasti dan senario sebenar amalan yang dilakukan oleh responden dapat disimpulkan. Walaupun terdapat beberapa perbezaan amalan guna semula dari segi jantina, namun secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa amalan guna semula dalam kalangan isi rumah masih berada pada tahap sederhana. Situasi ini boleh dilihat apabila banyak amalan yang tidak dilakukan oleh kebanyakan isi rumah. Walau bagaimanapun, amalan guna semula ini boleh diperbaiki, ditambah baik dan diperkasakan melalui usaha dan komitmen pihak kerajaan serta pertubuhan yang berkaitan dari semasa ke semasa. Akan tetapi, peranan yang dimainkan oleh individu itu sendiri perlu ditekankan kerana perubahan yang kecil, namun dilakukan oleh semua rakyat Malaysia akan menghasilkan impak yang cukup besar.

Oleh sebab responden mempunyai tahap amalan yang berbeza-beza, maka amalan ini perlu ditanam dan dipertingkatkan lagi agar seiring dengan kempen alam sekitar yang giat dijalankan. Sikap dan tingkah laku perlu sejajar dengan amalan bagi memastikan konsep ini benar-benar dipraktikkan dan mencapai objektifnya. Oleh itu, amalan guna semula oleh rakyat Malaysia perlu dipraktikkan dan dijadikan gaya hidup, iaitu bermula dari aspek pembelian, penggunaan hinggalah ke peringkat pelupusan. Justeru, program ke arah meningkatkan amalan penggunaan semula perlu dibentuk dan dilaksanakan dengan lebih terancang. Hal ini dapat membentuk seluruh rakyat Malaysia khususnya, supaya mengamalkan gaya hidup lestari sebagai satu budaya.

Rujukan

Berita Harian (26 Januari 2014). *Kemelut Lupus Sisa Pepejal*. Dimuat turun pada 26 Januari 2014 dari laman web, <http://www.bharian.com.my>

Corral-Verdugo, V. (2003). Situational and personal determinants of waste control practices in Northern Mexico: A study of reuse and recycling behaviors. *Resources, Conservation and Recycling*, 39, 265-281.

De Young, R. (1991). Recycling as Appropriate Behavior: A Review of Survey Data from Selected Recycling Education Programs in Michigan. *Journal of Resources, Conservation and Recycling*, 3(1), 253-266.

Farhan, M.A., Mumtazah, O., & Syuhaily, O. (2013). *Faktor yang mempengaruhi amalan lestari dalam kalangan guru di Kota Bharu, Kelantan, Malaysia*. Tesis Master Sains Pengguna, Universiti Putra Malaysia.

Holbert, R.L., Kwak, N., & Shah, D.V. (2003). Environmental concern, patterns of television viewing, and pro-environmental behaviors: integrating models of media consumption and effects. *Journal of Broadcasting and Electronic Media*, 47(2), 177–197.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2014). Dimuat turun pada 3 Febuari 2014 dari laman web, <http://www.kpkt.gov.my>

Kempen Konsumer Kebangsaan 2008-2012. Dimuat turun pada 23 Febuari 2012 dari laman web, <http://www.kkk.org.my>

Laporan Kualiti Hidup Malaysia (2011). Unit Perancang Ekonomi. Putrajaya. McKeown, R. (2002). *Education for Sustainable Development*. Dimuat turun pada 19 Oktober 2010 dari laman web, <http://www.esdtoolkit.org>

Mihalas, S., Morse, W.C., Allsopp, D.H., & McHatton, P.A. (2009). Cultivating Caring relationships between teachers and secondary students with emotional and behavioral disorders: Implications for research and practice. *Remedial and Special Education*, 30(108), 108-126.

Nurizan, Y., Laily, P., Sharifah, A.H., Norhasmah, S., Aini, M.S., & Naimah, S. (2004). Penggunaan lestari: Pemahaman konsep asas dan pengetahuan terhadap kesejahteraan persekitaran. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 7, 1–15.

Roberts, J.A. (1996). Green consumers in the 1990's: Profile and implications for advertising. *Journal of Business Research*, 36, 217–231.

Robinson, T. L. & Howard-Hamilton, M.F. (2000). *The Convergence of Race, Ethnicity and Gender: Multiple Identities of Counseling*. New Jersey: Prentice Hall.

Siddique, R., Khatib, J., & Kaur, I. (2008). Use of recycled plastic in concrete: A review. *WasteManagement*, 28, 1835-1852.

Sommer, R. (2000). Discipline and field of study: A search for clarification. *Journal of Environmental Psychology*, 20, 1–4.

Syuhaily, O. (2011). Amalan Penggunaan Lestari dalam Kalangan Remaja. Dalam Mumtazah, O. dan Nurizan, Y. dalam *Penggunaan Lestari: Bagaimana Tingkah Laku Remaja?*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Tikka, P.M., Kuitunen, M.T., & Tynys, S.M. (2000). Effect of educational background on students' attitude, activity levels and knowledge concerning environment. *The Journal of Environmental Education*, 31(3), 12 –19.

Wingerter, L. (2000). General Motor Roles in Education for Sustainability. Dalam Wheeler, K.A. dan Bijur, A. P. (eds). *Education for a Sustainable Future: A Paradigm of Hope for the 21st Century*. New York: Kluwer Academic/Plenum.

Zelezny, L.C., Chua, P., & Idrich, C. (2000). Elaborating on gender differences in environment. *Journal of Social Issues*, 56(3), 443-457.